



جامعة السلطان الشري夫 على الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester III, Sesi Akademik 2017/2018

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SD 2302

Nama Kursus : al-Qawaid al-Fiqhiyyah

**Peringkat Kursus : Diploma Tertinggi Kebangsaan
Sistem Keadilan Jenayah
Syariah**

Masa : 3 jam

Nota :

Jawab **SEMUA** soalan-soalan berikut

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (15 markah)

1. Terangkan makna Qawaид Fiqhiyyah dari sudut bahasa dan istilah.
(5 markah)
2. Bincangkan kepentingan ilmu Qawaيد Fiqhiyyah itu dianggap penting dalam perundangan Islam?
(5 markah)
3. Ilmu Qawaيد Fiqhiyyah merupakan salah satu cabang ilmu yang meliputi prinsip-prinsip Fiqh yang bersifat umum dalam bentuk nas pendek. Bincangkan secara ringkas dan sertakan contoh.
(5 markah)

Soalan Kedua (15 markah)

1. Kaedah Fiqh (الأُمور بمقاصدها) Setiap perkara bergantung pada niatnya/tujuannya, adalah merupakan salah satu kaedah asasi yang lima (القواعد الخمس الكبرى) . Terangkan 4 kepenting niat di dalam Islam.
(4 markah)
2. Jelaskan aplikasi kaedah (الأُمور بمقاصدها) dengan mendatangkan satu dalil dari Al-Quran dan Al-Sunnah dan sertakan contoh bagi kaedah ini.
(6 markah)
3. Berikan pandangan awda terhadap seorang ayah yang bekerja sebagai pencuri dengan niat mencari rezeki buat anak-anaknya.
(5 markah)

Soalan Ketiga (15 markah)

1. Nyatakan 5 daripada sebab-sebab yang dibolehkan mengambil *rukhsah*.
(5 markah)
2. Bincangkan pendapat fuqaha mengenai masalah-masalah di bawah ini yang berkaitan dengan kaedah fiqhiiyah Asasi: (العادة مُحكمة) Adat dijadikan Sumber Yang diakui.
 - a) Seseorang yang meminta untuk mencatatkan sesuatu dengan seseorang mengikut adatnya diberi upah walau tidak menyatakannya.
(3 markah)
 - b) Jualbeli tanpa ijab dan qabul (معاطة).
(3 markah)
3. Haziq berkata: “Saya mewakafkan tanah saya ini kepada anak Haji Leman”, sedangkan semua orang tahu anak Haji Leman, Ali sudah kembali ke rahmatullah dan Haji Leman cuma meninggalkan seorang cucu (anak kepada Ali) yang masih hidup bernama Nordin . Terangkan secara ringkas, kaedah fiqhiiyah yang furu’ (cabang) dalam masalah tersebut.
(4 markah)

Soalan Keempat (15 markah)

1. al-Qawaid Fiqhiyyah yang asas juga ada digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah perundangan seperti kes berikut:

Kes Rayuan Mal Bil: MTS/RM/TUT/10/2005

Ismail bin Haji Abdul Rahman
Lwn
Sairah binti Haji Taha
Norashikin binti Haji Md Bahrain

Di hadapan YDM Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama
Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim bin Haji Besar,
Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

1 Jamadilakhir, 1426H bersamaan 7 Julai 2005M
Mahkamah Tinggi Syariah.

Ringkasan fakta kes:

Kes ini adalah kes rayuan Permohonan Poligami. Perayu merupakan seorang suami yang telah dan masih mempunyai dua orang isteri iaitu yang menjadi Responden Pertama dan Responden kedua.

Dalam hujah perayu semasa perbicaraan rayuan kes ini, menafikan ianya tidak berlaku adil dalam kehidupan berpoligaminya selama kira-kira 21 tahun iaitu bagi menolak hujah balas kedua-dua responden yang mendakwa mereka telah selama ini tidak mendapat keadilan daripada Perayu sebagai seorang suami yang mempunyai dua isteri.

Perayu dalam hujahnya menyatakan bahawa selama kira-kira 21 tahun hidup berpoligami, tidak ada sebarang aduan daripada kedua-dua isterinya ke Pejabat Kadi menyatakan ketidakadilan dan masalah kewangan. Namun, hujah balas dari Responden Kedua iaitu isteru kedua Perayu setelah kesnya ditolak oleh Mahkamah Rendah Syariah menyatakan:

“Bayaran elektrik, air dan telefon untuk keperluan kami anak beranak yang tinggal di rumah ayah saya tidak pernah saya terima. Sementara itu bagi perbelanjaan makan, minum, dan pakaian adalah ditanggung oleh saya sendiri, Cuma yang diberikan wang bayaran kereta setiap bulan \$370 dan \$50 bagi bayaran persekolahan anak saya”.

Manakala Responden pertama memberitahu bahawa ia disediakan rumah khas oleh Perayu, manakala Responden kedua tinggal bersama orang tuanya di rumah bantuan Zakat Majlis Ugama Islam kerana bapanya seorang muallaf. Menurut Perayu, dia juga ada menyumbangkan wang baksisnya sebanyak B\$50,000 dalam membina rumah Bantuan Zakat yang menempatkan Responden Kedua dan ini diakui oleh Responden Kedua. Perayu kini mempunyai 5 orang anak yang telah besar dan memerlukan rumah yang lebih selesa. Manakala Responden Kedua pula menyatakan walaupun rumah orang tuanya mempunyai bilik kosong tapi bilik tersebut akan digunakan oleh adik beradiknya yang lain apabila mereka balik memandangkan mereka juga belum ada rumah sendiri.

Setelah meneliti sumber kewangan Perayu, mahkamah mendapati baki pendapatan Perayu hanya B\$123 sebulan.

Berdasarkan kes ini:

- a) Nyatakan pendapat anda, adakah kes rayuan ini patut ditolak atau sebaliknya?

(2 markah)

- b) Bincangkan kaedah Fiqhiyyah asasi yang boleh digunakan untuk menyokong pendapat anda beserta ayat al-Qur'an, Hadis serta hujah-hujah yang relevan.

(6 markah)

- 2) Jelaskan syarat-syarat yang diiktiraf dalam Uruf dan Adat bagi kaedah Fiqhiyyah Asasi (العادة ملزمة) Adat dijadikan Sumber Yang diakui.

(7 markah)

بالتوفيق والنجاح